



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 10 MEI 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RISIKO MALAYSIA HILANG LITUPAN TERUMBU KARANG, DALAM NEGERI, UM-35	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	BAWANG PERAK AKAN DIPASAR DI OUTLET FAMA BULANINI, HM-ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	BAWANG PERAK DIPASARKAN KE SELURUH NEGARA ESOK, SIAKAP KELI.MY-ONLINE	
4.	PANAS: PESAWAH TANAM KENAF, DALAM NEGERI, UM - 35	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
5.	PERANG HARUMANIS, MUKA DEPAN, SH-1	LAIN-LAIN
6.	HARUMANIS PERLIS TIADA TANDINGAN, NASIONAL, SH-2	
7.	KUALITI, HARGA HARUMANIS KEDAH, PERLIS HAMPIR SAMA, NASIONAL, SH-2	

UKK KPBM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPBM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

## Risiko Malaysia hilang litupan terumbu karang

**KUALA NERUS:** Malaysia berisiko kehilangan litupan terumbu karang antara lima hingga 10 peratus terutama di perairan Terengganu berikutan cuaca panas dan kering yang melanda ketika ini. Pakar penyelidik batu karang Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof. Madya Dr. Tan Chun Hong berkata, fenomena kelunturan terumbu karang adalah satu daripada ancaman akibat musim El Nino yang melanda dunia.

Menurutnya, berdasarkan laporan tinjauan tahunan Reef Check Malaysia dan data Jabatan Perikanan Malaysia, kelunturan terumbu karang dalam skala yang besar pernah berlaku pada 1997-1998, 2010, 2015-2017 dan 2024.

"Terumbu karang adalah sejenis haiwan marin yang sensitif terhadap sebarang perubahan suhu air laut.

"Kajian menunjukkan peningkatan suhu air laut antara satu hingga dua derajah Celcius daripada paras normal, untuk jangka masa lebih dua minggu akan memberi te-

kanan terhadap kesihatan terumbu karang. "Pemanasan air laut akan merendahkan sistem imun batu karang dan memerlukan tahap daya tahan terhadap ancaman bakteria dan virus dari pada persekitaran," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan enam negeri termasuk Terengganu dijangka terus mengalami cuaca panas antara 37 hingga 40 derajat Celcius dalam tempoh tiga bulan lagi.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pemanasan suhu air laut melebihi dua derajah Celcius juga menunjukkan kebangkitan terumbu karang untuk mati akan meningkat.

Katanya, situasi itu amat membimbangkan kerana terumbu karang adalah asas dalam pembentukan ekosistem terumbu karang.

"Terumbu karang pula adalah salah satu habitat utama untuk kehidupan marin di Malaysia yang berkait rapat dengan sumber perikanan kita," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

## BAWANG PERAK AKAN DIPASAR DI OUTLET FAMA BULAN INI



Gopeng: Sebanyak 3.3 tan metrik bawang merah kecil yang dihasilkan Jabatan Pertanian Perak melalui projek rintis di Kampung Kuala Bikam, dekat Sungkai akan mula dipasarkan di outlet Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) seluruh negara, pertengahan Mei ini.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, memandangkan projek rintis itu bermula di Perak, kerajaan negeri berhasrat untuk menjenamaan semula bawang varieti BAW-1 yang dikodkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) itu kepada Bawang Perak.

Menurutnya, penjenamaan itu bertujuan membezakan bawang berkenaan dengan bawang import lain yang berada dalam pasaran.

"Sebanyak 3.3 tan metrik Bawang Perak akan memasuki pasaran dan dijual pada harga antara RM10 hingga RM12 per kilogram (kg).

"Bawang Perak ini mempunyai kelebihan tersendiri berbanding bawang import terutama dari aspek kesegaran, kerangupan, waima isinya yang lebih merah serta aromanya yang kuat," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan simbolik penyerahan hasil bawang merah oleh Jabatan Pertanian Perak kepada Fama di RTC Gopeng, di sini, hari ini.

Saarani berkata, beberapa lokasi baharu seluas lapan hektar sudah dikenal pasti di daerah Batang Padang dan Kinta untuk memperluas lagi penanaman bawang itu di Perak.

"Program pembangunan tanaman bawang yang bermula 24 Januari lalu membabitkan skala pra-komersial hingga tahun 2025, manakala skala komersial pula dilaksanakan pada tahun 2026 hingga 2030.

"Saya difahamkan, Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sudah mengenal pasti beberapa lokasi yang sesuai untuk penanaman bawang seperti di Perak, Perlis, Pulau Pinang, Selangor dan Johor untuk mencapai sasaran pengurangan 30 peratus pengimportan bawang menjelang 2030," katanya.

**Disiarkan pada: Mei 9, 2024 @ 5:18pm**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2024	SIAKAP KELI.MY	ONLINE	

## BAWANG PERAK DIPASARKAN KE SELURUH NEGARA ESOK – MB



Bawang Perak Dipasarkan Ke Seluruh Negara Esok - MB

GOPENG, 9 Mei (Bernama) -- Lebih 3.3 tan metrik bawang merah kecil BAW-1 yang bakal dijenamakan sebagai Bawang Perak akan dipasarkan ke seluruh outlet Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), esok.

Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad berkata bawang yang dituai pada 3 dan 17 April lepas oleh Jabatan Pertanian Negeri Perak telah diserahkan kepada FAMA negeri bagi tujuan pemasaran ke peringkat pengguna.

"Bawang ini dijual pada harga RM10 hingga RM12 sekilogram seperti harga bawang yang diimport sebab kita nak lihat sambutan, selepas ini apabila berlaku lambakan dan tidak lagi perlu mengimpor bawang, harga akan lebih rendah.

"Bawang Perak ini mempunyai kelebihan tersendiri berbanding bawang import yang berada di pasaran ketika ini seperti dari segi kesegaran, kerangupan, warna isinya yang lebih merah dan aroma yang kuat," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan simbolik penyerahan Bawang Perak daripada Jabatan Pertanian Negeri Perak kepada FAMA Perak pada majlis Ramah Mesra dan Semarak Aidilfitri Jabatan Pertanian Negeri Perak di RTC Gopeng dekat sini hari ini.

Pada 3 April lepas, Perak dilaporkan menjadi negeri pertama di Malaysia berjaya menuai hasil bawang tempatan jenis BW1 yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan

Pertanian Malaysia (MARDI) melalui Program Pembangunan Tanaman Bawang di Kampung Ladang Bikam, Sungkai.

Projek Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri itu dilaksanakan secara tiga fasa di kawasan seluas satu hektar, menyasarkan pengeluaran hasil kira-kira empat tan metrik setiap hektar.

Saarani berkata memandangkan projek rintis penanaman bawang kecil itu bermula di Perak, kerajaan negeri berhasrat menjenamakan bawang merah kecil berkenaan sebagai Bawang Perak bagi membezakan dengan bawang-bawang import lain yang berada di pasaran.

"Projek ini telah bermula pada awal tahun lepas melibatkan skala prakomersial hingga 2025 dan skala komersial akan mula dilaksanakan pada 2026 hingga 2030.

"KPKM telah menyasarkan pengeluaran bawang berjumlah 14,470 tan metrik menjelang 2030 membabitkan kawasan penanaman seluas 1,447 hektar dan kita telah kenal pasti lokasi yang sesuai seluas lapan hektar melibatkan daerah Batang Padang dan Kinta," katanya.

Dilaporkan, pada 2022 jumlah import bagi dua jenis bawang iaitu bawang besar dan bawang kecil adalah 685,400 tan dengan nilai sebanyak RM1.58 bilion.

Berdasarkan data statistik berkenaan, Malaysia mengimport bawang sebanyak 525,055.37 tan dengan nilai RM944,990,373 dari 20 negara dengan jumlah import tertinggi adalah dari India iaitu 321,776.16 tan, Belanda (77,772.55 tan), China (47,165.48 tan), Pakistan 42,957.62 tan, Thailand 12,186.52 tan serta lain-lain negara.

Sumber: BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	35

## Panas: Pesawah tanam kenaf?

**KANGAR:** Kira-kira 6,789 pesawah di kawasan seluas 10,147 hektar di luar Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di negeri berdepan penyusutan hasil sehingga dua tan metrik per hektar atau langsung tidak dapat mengusahakan tanaman padi musim ini akibat cuaca panas berikut fenomena El Nino.

Malah, jika situasi tersebut berlaku, kerajaan negeri tidak menolak kemungkinan kawasan berkenaan akan berlalu kepada tanaman kenaf bagi menggantikan padi pada musim panas ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengurus Jawa-tankuasa Pertanian negeri,

Razali Saad berkata, pesawah di luar kawasan MADA semangnya bergantung kepada taburan hujan sepenuhnya untuk proses pengairan bagi mengusahakan tanaman.

Malah katanya, hasil pemerhatian khususnya di kawasan Padang Melangit berkemungkinan mereka tidak dapat mengusahakan tanaman setiranya cuaca panas ini berterusan.

“Kawasan luar MADA ini tak nafis bergantung sepenuhnya pada hujan susut sehingga dua tan metrik per hektar ekoran cuaca panas ini. Ketika ini, taburan hujan terlalu sedikit yang menyakirkan proses untuk memulakan

musim ini. “Sekiranya benda ini betul berlaku, kita mungkin berlalu kepada tanaman kenaf memandangkan kenaf perlu persekitaran kering,” katanya.

Februari lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan, hasil padi membabitkan 15,960 pesawah di Perlis dijangka merosot sehingga 50 peratus berikutan El Nino yang mengakibatkan cuaca panas dan kering.

Pesawah menjangkakan hasil musim ini boleh terjejas teruk dengan anggaran dua ke tiga tan metrik per hektar sahaja mampu dihasilkan berbanding kelaziman lima tan metrik.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/5/2024	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1

# PERANG HARUMANIS



■ Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli yakin harumanis keluaran negeri itu masih sukar digugat mana-mana negeri termasuk jirannya Kedah yang baru berjinak-jinak mengusahakan tanaman berkenaan.

■ Menurut Mohd Shukri, harumanis Perlis tidak boleh ditandingi harumanis dari mana-mana negeri pun di negara ini kerana mangga keluaran Perlis itu mempunyai rasa manisnya yang tersendiri selain berbau harum.

■ Beliau turut membidas kenyataan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor yang seolah-olah mendakwa kualiti harumanis dari Kedah jauh lebih baik. Beliau juga menyifatkan Sanusi hanya berangan apabila mengatakan harumanis D'Aman sudah jauh meninggalkan harumanis Perlis.

**MUKA 2**

MOHD SHUKRI SANUSI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA	SURAT
10/5/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	2	

2 NASIONAL

SINAR HARIAN • JUMAAAT TO MEI 2024

**Sinar**  
Harian

TELUS & TULUS  
TELUS & TULUS DENGKAM OLEH XANGANG CHAIR • MATA DAN TEUNGA RAYAT • PEMARAU PERUBAHAN

# Harumanis Perlis tiada tandingan

**Mohd Shukri bidas Sanusi usah berangan**

**Oleh ROSLINDA HASHIM**

**KANGAR**

tanaman berkenaan.

Menurutnya, hari ini Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor yang mendakwa harumanis keluaran Kedah mula mendapat perhatian dan permintaan, namun Mohd Shukri yakin harumanis Perlis tetap menjadi pilihan utama penggemar buah tersebut.

"Saya ingat Sanusi ni berangan, mangga harumanis Perlis tidak boleh ditandingi manapun negeri pun, insya-ALLAH, kerana ia mempunyai rasa tersendiri."

"Selain itu, cuaca dan tanah di Perlis juga amat sesuai untuk tanaman mangga jenis ini berbanding di tempat lain," katanya di Majlis Rumah Terbuak Pejabat Menteri Besar, Pejabat Speaker dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis di sini, pada Rabu.

**M**engangga harumanis keluaran Perlis mempunyai keunikan tersendiri dan tidak dapat ditandingi oleh mana-mana negeri.

Menyatakan demikian, Menteri Besar Perlis, Mohd Shukri Ramli berkata, reputasi Perlis sebagai pengeluar buah mangga harumanis utama dalam negara sukar diigagat, termasuk Kedah yang baharu berjinak-jinak mengusahakan

Mohd Shukri turut membida kenyataan Muhammad Sanusi yang membuat kenyataan seakan-akan kualiti harumanis Kedah yang dikenali sebagai Harumanis D'Aman iaitu lebih baik berbanding keluaran Perlis.

"Sebab itu apabila Sanusi mengatakan mangga harumanis dari negerinya sudah jauh meninggalkan mangga harumanis Perlis hingga 80 tiang atau beberapa puluh tiang sekalipun, saya rasa itu angan-angan beliau sahaja," katanya.

Pada 5 Mei lalu, Muhammad Sanusi dilaporkan berkata, Kedah yakini akan muncul sebuah pengeluar utama mangga harumanis di negara ini selepas negeri itu memperluaskan tanaman buah tersebut.

Muhammad Sanusi berkata, Harumanis Kedah yang dijenamakan semula sebagai Harumanis D'Aman semakin popular dan mendapat perhatian dan diyakini mampu mengatasi Harumanis Perlis

tinggi dan mampu bertahan kerana cuaca panas yang lazim di Perlis.

"Harumanis Perlis rasanya lebih manis dan berbau harum, sesuka yang cuba membawa labih benih mangga ini untuk ditanam di negeri lain, hasilnya tidak sama, rasa manis dan keharuman tidak sama berbanding yang ditanam di sini."

"Ini kerana buah bumi Perlis yang berbukit dan cuacanya lebih kering sesuai dengan tanaman harumanis, ini anugerah ALLAH SWT yang tidak terhingga kepada negeri ini," katanya.

Pada masa akan

datang.

Malah katanya,

harumanis Kedah berpeluang men-

dominasi pasaran

mangga dalam

masa terdekat

maskipun baru di-

lancarkan tanun

lalu.

Dalam pada itu,

Mohd Shukri perca-

ya perbezaan ke-

tara yang terdapat pada mangga harumanis Perlis dibentukkan ketahanan buah berkenaan yang

MOHD SHUKRI

harumanis Kedah yang berbukit dan cuacanya lebih kering sesuai dengan tanaman harumanis, ini anugerah ALLAH SWT yang tidak terhingga kepada negeri ini," katanya.

## Harumanis Perlis dan Kedah

Harumanis Perlis lebih dikenali kerana sudah lama berada di pasaran

• Harumanis Perlis yang berbukit dan cuacanya lebih kering sesuai dengan tanaman harumanis, ini anugerah ALLAH SWT yang tidak terhingga kepada negeri ini," katanya.

• Harga harumanis Perlis antara RM25-RM50 sekilogram manakala harga Harumanis D'Aman RM25-RM5 sekilogram

• Satz dan bentuk kedua-dua harumanis tidak berwarna lingga

• Rasa harumanis Perlis dan Kedah hamper sama, termasuk baunya yang harum

• Terdapat 1,000 pengusaha harumanis di Perlis manakala di Kedah sebanyak 100 pengusaha

• Satz ladang harumanis di Perlis dinaugurakan hampir 2,000 hektar, sementara di Kedah sekitar 140 hektar

Harumanis Perlis

Laporan Sinar Harian pada 6 Mei lalu.



MOHD SHUKRI



Harumanis Kedah atas Perlis

Laporan Sinar Harian pada 6 Mei lalu.

## Kualiti, harga harumanis Kedah, Perlis hampir sama

**ALOR SETAR** - Kualiti mangga harumanis keluaran Kedah mahupun Perlis hampir menyamai kerana kedua-dua negeri itu mempunyai cuaca yang hampir sama.

Pengerusi Persatuan Harumanis Kedah, Othman Ismail berkata, kajian Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mendapati kualiti dan kenarummanian buah harumanis Kedah dan Perlis juga hampir sama.

Menurutnya, kualiti buah tersebut dipengaruhi oleh beberapa faktor selain cuaca panas dan

kering, kerana ia turut bergantung kepada kesesuaian tanah, iaitu pengurusan pertanian yang baik, merawat buah serta kaedah penggeraman buah yang betul.

"Pengusaha perlis amalkan pengurusan tanaman yang betul mengikuti prosedur operasi standard (SOP) yang betul. Ini akan menjadikan buah tersebut lebih berkualiti.

"Sekiranya dihasilkan mengikut SOP yang betul, ramai yang

tidak dapat bezaikan antara keluaran Kedah atau Perlis. Ini kerana buah keluaran Kedah setaraf dengan Perlis dan mempunyai keharuman dan wangian yang sama," katanya.

Othman berkata, kaedah penggeraman buah juga penting patuh faktor-faktor yang saya sebutkan ini," jelasnya.

Menurutnya, Kedah mampu menghasilkan kualiti harumanis sama seperti Perlis sekiranya semua SOP dipatuhi selain penjagaan tanah tidak cukup matang dan tak diperlukan secukup-



OTHMAN

nya, kita tak simpan sehingga lima hingga enam hari, baunya tidak wangi.

"Ada pengusaha yang terburu-buru nak jual walaupun belum cukup matang atau kurang tempoh peram, ini menyebabkan buah tersebut agak masam."

"Sebab itu saya katakan, tiada bezaya buah dari Perlis atau Kedah, yang penting patuh faktor-faktor yang saya sebutkan ini," jelasnya.

Menurutnya, Kedah mampu menghasilkan kualiti harumanis sama seperti Perlis sekiranya semua SOP dipatuhi selain penjagaan tanah dan buah dirawat dengan baik.

"Jadi kita tak boleh kata buah dari Perlis atau Kedah lagi sedap, sebab kualiti bergantung kepada banyak faktor.

"Bezanya cuaca Perlis sudah

lama tanam dalam keluasan besar, jadi keluaran Perlis lebih banyak dan dikenali. Tanah

kedua-dua negeri amat sesuai sebab suhu berada dalam julat

keperluan untuk tanah harumanis," ujarnya.

Mengulas mengenai perbandingan harga harumanis Perlis dan Kedah, Othman berkata, ia juga hampir sama ber-

gantung kepada pemasaran dan greed buah.